

Peluang IKS tingkat maklumat, teknologi

BH - 6 JUL 2000

SMI One Stop Solution 2000 dari 13 hingga 16 Julai ini di Pusat Pameran dan Konvensyen Antarabangsa (Mines), Sri Kembangan, Selangor memberi peluang kepada usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai produk dan teknologi terbaru bagi memperbaiki keupayaan masing-masing.

Pameran perdagangan itu akan mempertemukan pengusaha terbaik industri dalam bidang teknologi maklumat (IT), pembiayaan projek, pemasaran, sumber manusia, pengurusan alam sekitar dan teknologi komunikasi.

Penganjur iaitu Persatuan Industri Kecil dan Sederhana Malaysia (SMI Malaysia) dan IDEC Malaysia Sdn Bhd sudah membuat persiapan rapi untuk tujuan itu.

Beberapa seminar dan pembentangan kertas kerja berkaitan industri IKS akan dihentangkan pakar dalam bidang masing-masing.

Pembentang kertas kerja daripada organisasi terpilih yang ditemui semalam menjelaskan beberapa isu spesifik yang perlu diberi perhatian segera oleh IKS

tempatan untuk bersaing di peringkat global.

Rata-rata mereka menitikberatkan aspek berhubung penggunaan IT yang masih rendah di kalangan IKS tempatan.

Kebanyakannya menyuarkan kebimbangan mengenai sikap sesetengah IKS yang enggan menggunakan aplikasi teknologi terkini bagi menguruskan syarikat masing-masing.

Pengarah Urusan Hewlett-Packard Sales (Malaysia) Sdn Bhd (HP), Badlisham Ghazali, berkata IKS tempatan perlu menyediakan diri masing-masing dengan pelbagai kemahiran menggunakan IT untuk meningkatkan keupayaan syarikat.

Badlisham berkata, penggunaan IT di kalangan IKS tempatan secara relatifnya masih rendah dan sehubungan itu, HP akan memberi tumpuan untuk mempromosikan produk dan aplikasinya yang boleh membantu IKS menjadikan kerja mereka lebih mudah, pantas dan lebih baik.

"Aplikasi itu termasuklah sistem penyelesaian pengurusan sumber manusia dan perakaunan," katanya.

Sementara itu, Penolong

Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) (Projek Khas dan IT), Mohammad Hazani Hassan, berkata penggunaan IT akan membantu IKS tempatan dalam banyak aspek seperti pengurusan dan mendapatkan lebih banyak data dan maklumat menerusi Internet.

Supaya tidak tertinggal di belakang, IKS tempatan perlu melengkapkan organisasi masing-masing dengan prasarana IT selain menumpukan perhatian kepada pembangunan dan penyelidikan, katanya.

Sementara itu, wakil daripada organisasi pengurusan alam sekitar, Albert Heng iaitu Pengurus Besar Hechem Sdn Bhd, berkata pameran SMI 1 Stop Solution diharap dapat menyedarkan pengusaha IKS mengenai aspek pengurusan alam sekitar yang lebih baik.

Beliau berkata, memandang masyarakat dunia hari ini begitu mengambil berat mengenai alam sekitar, jadi syarikat tempatan perlu bcrusaha dari sekarang untuk mendapatkan sijil ISO4000 bagi pengurusan alam sekitar.

"Perolehan sijil ini ada-

lah penting bagi membolehkan produk mereka menembusi pasaran antarabangsa," katanya.

Pengarah Program SMI 1 Stop Solution, James Look, berkata pameran perdagangan yang akan dirasmi-

kan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu adalah pameran perdagangan unik yang mengumpulkan penyedia penyelesaian pengurusan IKS di bawah satu bumbung.

Pada pameran empat hari itu, pengusaha IKS boleh mendapatkan pelbagai maklumat mengenai instrumen pinjaman, aplikasi IT, produk pengurusan dan pemasaran yang herkiatan dengan mereka.